

Rakyat Malaysia terus berdoa

Masuk ke hari ke-11 pesawat MH370 hilang, tetapi lokasinya masih tidak dapat dipastikan walaupun sehingga kini 26 negara sudah tampil menghulurkan bantuan.

Dengan teknologi canggih, dunia masih buntu dan tidak mengetahui nasib 227 penumpang dan 12 anak kapal.

Sebagai rakyat biasa, sokongan moral dan doa mampu dilakukan bagi menyatakan sokongan dengan harapan semua mangsa terlibat ditemui dengan selamat.



JITRA

Murid Tadika Diglosia, Jitra menghasilkan kad tanda simpati, harapan dan doa kepada penumpang dan kru pesawat MH370. Pengurus Tadika Diglosia, Fauziah Mohd Hussin berkata, kanak-kanak tadika, guru dan ibu bapa bersama-sama menyertai penyerahan kad dan kolaj itu kepada kakitangan MAS di pejabat cawangan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Alor Setar.



SEGAMAT

Guru dan pelajar pendidikan khas SMK Paduka Tuan, Segamat, semalam, menunjukkan lukisan dan kata-kata semangat di atas kain rentang sepanjang 10 meter yang dihasilkan mereka sebagai tanda sokongan kepada keluarga penumpang dan kru pesawat MH370.

Nur Kaiyisah Selamat, 8, adik kepada Mohd Khairul Amri Selamat, 29, salah seorang penumpang pesawat MH370 bersama kain rentang yang tertera '#PRAY FOR MH370' yang ditandatangani orang ramai ketika di hotel penginapan ahli keluarga penumpang pesawat tersebut.



PUTRAJAYA

Kakitangan Malaysia Airport Niaga, Lovely Bastika, 21, menunjukkan replika dan kata-kata semangat yang dihasilkan beliau serta rakannya yang ditujukan khas kepada anak kapal dan penumpang MH370.



SUBANG

BESUT

Wanita Umno Dun Hulu Besut mengadakan majlis bacaan Yasin dan solat hajat bagi mendoakan agar mempermudah urusan mencari dan mengesahkan pesawat MH370 di Masjid Telaga Nibong, Besut.



Warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat berhimpun dan mendoakan keselamatan penumpang dan kru pesawat MH370 yang masih hilang.

BATU PAHAT